

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DR HAJI NOOR AZMI BIN GHAZALI
[BAGAN SERAI]
TARIKH : 23 MAC 2017
SOALAN :

YB Dr. Haji Noor Azmi Bin Ghazali [Bagan Serai] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah Kerajaan mempunyai cara yang sistematik dalam pengawalan denggi dari kaedah pendidikan penyakit, kawalan nyamuk, kesedaran rakyat, pemantauan serta penyelidikan yang berterusan untuk menangani penyakit yang semakin meningkat dan membawa maut.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menangani kes denggi, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah mengambil langkah-langkah pencegahan secara proaktif dalam membanteras denggi dengan penglibatan secara bersepadu lain-lain kementerian dan agensi melalui penubuhan Pasukan Petugas Khas Denggi Peringkat Kementerian sejak bulan Julai 2014. Jawatankuasa ini turut dianggotai oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam

(SWCorp). Melalui Mesyuarat Pasukan Petugas Khas Denggi ini, pihak berkenaan telah diminta untuk menambah kemudahan bagi pembuangan sampah, meningkatkan kutipan sampah iaitu sekurang-kurangnya tiga kali seminggu serta mengatasi masalah pembuangan sampah haram melalui pengawasan berterusan, membersihkan kawasan sampah haram serta meningkatkan aktiviti penguatkuasaan di kawasan-kawasan yang dikenal pasti. Majoriti Pihak Berkuasa Tempatan adalah di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri, oleh itu bagi menangani isu pengurusan sisa pepejal, komitmen Kerajaan Negeri dan pihak berkenaan adalah sangat penting.

Tuan Yang di-Pertua,

Tindakan bersepadu turut melibatkan beberapa agensi dan kementerian lain dalam mencegah kejadian denggi menerusi beberapa strategi berikut:

- i. Menjalankan aktiviti penguatkuasaan bersepadu di antara Kementerian Kesihatan, Lembaga Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Jabatan Keselamatan dan Pekerjaan iaitu melalui Ops Gempur Aedes di tapak binaan dari semasa ke semasa;
- ii. Kementerian Pendidikan melipatgandakan usaha bagi meningkatkan pengetahuan pelajar sekolah mengenai denggi melalui penyampaian mesej denggi semasa perhimpunan pagi serta meningkatkan peranan pelajar sebagai "*change agent*" dengan melaksanakan aktiviti cari dan musnah tempat-tempat pembiakan Aedes bersama ahli keluarga di rumah;

- iii. Perancangan penganjuran program '*My Beautiful Malaysia*' oleh Jabatan Perdana Menteri yang akan dilaksanakan secara serentak melibatkan seluruh negeri melalui Jawatankuasa Penyelaras Peringkat Kementerian Kesihatan. Jawatankuasa Induk dipengerusikan oleh YBhg. Tan Sri Ketua Setiausaha Negara manakala di peringkat negeri, program ini akan dilancarkan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri. Setiap Kementerian dan Agensi akan mengoptimumkan perbelanjaan menggunakan sumber kewangan sedia ada dalam melaksana program ini;
- iv. Meningkatkan kempen kesedaran mengenai Denggi melalui saluran media elektronik melalui pelbagai program di stesen BERNAMA, RTM dan swasta oleh Kementerian Komunikasi dan Multimedia termasuk media sosial seperti *Whatsapp*, *twitter* dan *facebook*;
- v. Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah meningkatkan penguatkuasaan kebersihan persekitaran termasuk pemeriksaan premis, pengeluaran kompaun dan notis kepada premis yang membiak Aedes; dan
- vi. Menggunakan ikan pemakan jentik-jentik seperti ikan guppy dalam kawalan larva Aedes terutama di takungan air yang banyak seperti di tapak binaan.

Selain daripada itu, KKM juga telah meningkatkan aspek pencegahan Denggi melalui penggunaan kawalan secara biologi. Dalam hal ini, Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) telah dan sedang menjalankan kajian untuk menguji keberkesanan dan kesesuaian kaedah-kaedah berkenaan seperti:

- a) Produk yang mengandung bakteri *Bacillus thuringiensis israelensis* sebagai kawalan biologi yang mampu membunuh jejentik;
- b) *Sterile Insect Technique* yang mengurangi kemampuan nyamuk betina untuk menghasilkan telur yang produktif;
- c) Bakteri *Wolbachia* yang boleh mengurangi populasi nyamuk *Aedes* dan menyebabkan nyamuk *Aedes* yang infektif tidak boleh menyebarkan virus Denggi; dan
- d) Produk racun serangga yang mengandung *Insect Growth Regulator* yang boleh merencatkan perkembangan tumbesaran nyamuk.

Namun begitu, penggunaan langkah-langkah yang dinyatakan melibatkan kos yang agak tinggi dan memerlukan tempoh yang panjang sebelum menghasilkan impak yang positif.